

08 SEP 1999

Modenas-Jaguh

TEMPAHAN MODENAS JAGUH MENCECAH 16,000 DALAM TEMPOH DUA BULAN

Oleh: Mohd Nizam Yatim

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Tidak sampai dua bulan selepas motosikal nasional kedua Modenas Jaguh 175cc dilancarkan, Edaran Modenas Sdn Bhd (Emos) telah menerima tempahan 16,000 unit sehingga ini berbanding jangkaan awalnya sebanyak 12,000 unit sepanjang tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Emos, Nik Danial Nik Mahmood berkata, sebanyak 5,000 pembeli sudah menerima motosikal masing-masing, manakala 11,000 pembeli lagi akan menerima Jaguh dalam tempoh enam bulan selepas tarikh tempahan.

Motosikal itu dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 19 Julai lepas.

Nik Danial berkata mulai Ogos lepas, harga motosikal itu atas jalan telah diturunkan daripada harga asal RM7,500 kepada RM7,200.

"Promosi harga yang akan tamat pada akhir bulan ini adalah sebagai menghargai sokongan yang diberikan orang ramai terhadap projek motosikal nasional," katanya ketika dihubungi di pejabatnya di Gurun, Kedah.

Mengenai dakwaan sesetengah pembeli bahawa Emos gagal menunaikan janji untuk menyerahkan motosikal Jaguh dalam tempoh sebulan selepas tempahan, Nik Danial berkata kelewatan itu berpunca kerana masalah mendapatkan bekalan komponen daripada syarikat pembekal tempatan.

"Pembekal komponen tempatan hanya berupaya mengeluarkan komponen untuk 1,500 hingga 2,000 motosikal Jaguh setiap bulan," katanya.

Jaguh adalah model kedua selepas Kriss 110cc yang dikeluarkan oleh syarikat Motosikal dan Enjin Nasional Sdn Bhd (Modenas).

Modenas, sebuah anak syarikat DRB-Hicom Group dengan modal berbayar RM100 juta, merupakan pengeluar motosikal nasional dan enjin kecil pelbagaiguna.

-- BERNAMA

NY PR